

|            |                              |             |                     |
|------------|------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline   | DEDAH KEPADA PASARAN TERBUKA |             |                     |
| MediaTitle | Harian Metro                 |             |                     |
| Date       | 25 Nov 2017                  | Color       | Full Color          |
| Section    | Supplement                   | Circulation | 179,231             |
| Page No    | 1,9                          | Readership  | 537,693             |
| Language   | Malay                        | ArticleSize | 867 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | Nor Hanisah Kamaruzaman      | AdValue     | RM 34,024           |
| Frequency  | Daily                        | PR Value    | RM 102,072          |



# KPF 2017 PERKASA JUALAN PRODUK

>9

|            |                              |             |                     |
|------------|------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline   | DEDAH KEPADA PASARAN TERBUKA |             |                     |
| MediaTitle | Harian Metro                 | Color       | Full Color          |
| Date       | 25 Nov 2017                  | Circulation | 179,231             |
| Section    | Supplement                   | Readership  | 537,693             |
| Page No    | 1,9                          | ArticleSize | 867 cm <sup>2</sup> |
| Language   | Malay                        | AdValue     | RM 34,024           |
| Journalist | Nor Hanisah Kamaruzaman      | PR Value    | RM 102,072          |
| Frequency  | Daily                        |             |                     |

# DEDAH KEPADA PASARAN TERBUKA

KPF 2017 bukan sekadar sedia ruang usahawan promosi produk terkini

Nor Hanisah Kamaruzaman  
renanca@hmetro.com.my

Seramai 20 usahawan Bumiputera menampilkan pelbagai jenis keunikan perabot dalam Karnival Perabot FITEC 2017 (KPF 2017) yang berlangsung di Lobi Medan MARA, Kuala Lumpur.

Ia anjuran Majlis Amanah Rakyat (MARA) melalui anak syarikat Pusat Sumber Teknologi Perabot MARA (FITEC) dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

FITEC turut menjalin kerjasama strategik dengan Majlis Perkayuan Malaysia (MTC), Lembaga

Perindustrian Kayu Malaysia dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) bagi menyempurnakan penganjuran program berkewajib.

Karnival yang julung kali diadakan itu selari aspirasi kerajaan dan MARA dalam mendedahkan usahawan kepada pasaran terbuka.

Selain itu, ia turut memberi peluang kepada usahawan untuk menambah ekuiti.

Menggetahui tema Gaya Hidup Impian Anda pameran yang dijangka berakhir hari ini bukan sekadar menyediakan ruang bagi usahawan mempromosi produk terkini

mereka malah menjadi sumber rujukan bagi penilaian pembeli korporat, pengesport, agensi kerajaan, pihak swasta dan semua yang terbabit dalam industri perabot.

Pada masa sama karnival berkenaan turut menjadi platform bagi pemadaman perniagaan dan pembentukan rantai nilai.

Ia bagi membolehkan usahawan untuk memperkasa jualan produk sama ada pasaran tempatan atau antarabangsa.

Rangkaian perabot yang dipamerkan berkongsep Perabot Gaya Hidup (Lifestyle Furniture) merangkumi ruang dalaman

dan landskap.  
Pelbagai jenis perabot diketengahkan antaranya sofa, kabinet dapur, kerusi santai, pergola dan gazebo.

Pengunjung yang hadir berpeluang mendapatkan perabot bersesuaian dan memenuhi cita rasa serta berkesempatan mendapatkannya dengan potongan harga hingga 60 peratus pada 'Happy Hour.'

Karnival yang menyasarkan kehadiran 30,000 pengunjung itu turut melancarkan portal Furniture Hotspot.

Portal yang sudah siap sepenuhnya itu dibangunkan bertujuan memudahkan orang ramai

mendapatkan perabot usahawan tempatan secara dalam talian.

Selain membantu usahawan tempatan memasarkan produk secara terus di peringkat global.

Majlis pelancaran KPF 2017 dan portal Furniture Hotspot disempurnakan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada Khamis lalu.

Pada majlis sama turut menyaksikan perasmian kumpulan Usahawan KBNET yang menghimpunkan usahawan yang dibentuk melalui MARA dan lulusan Institut Kemahiran MARA (IKM).



KARNIVAL tampilan pelbagai jenis perabot daripada 20 usahawan perabot Bumiputera.



KPF 2017 menjadi platform bagi usahawan meluaskan pasaran dan rangkaian.



PRODUK penyeri landskap turut diketengahkan.